

LEMBARAN KERJA BAHASA MELAYU DARJAH 4

NAMA : _____ TARIKH : _____

DARJAH 4 _____

ARAHAH : Baca potongan cerita di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya dengan ayat-ayat yang lengkap.

Orang-orang Melayu dahulukala, percaya akan berbagai-bagai perkara yang karut dan tahuyl. Mereka percaya adanya berbagai jenis hantu. Antara hantu-hantu yang sangat ditakuti ialah puntianak, penanggalan, polong, pelesit dan toyol. Kononnya hantu-hantu itulah yang menyebabkan wabak-wabak penyakit menular, pembunuhan-pembunuhan kejam, kecurian dan berbagai-bagai kejadian yang aneh-aneh berlaku.

Di setengah-setengah tempat pula ada orang-orang yang percaya akan wujudnya kuasa-kuasa ghaib. Kononnya ada orang yang boleh menjelma menjadi harimau apabila dia menyeberangi tasik, kolam atau sungai yang tertentu dan akan kembali menjadi manusia semula setelah dia menyeberangi, kolam atau sungai itu. Orang-orang seumpama ini dipercayai menggunakan ilmu yang dikenali sebagai ilmu sihir. Bagi mencapai tujuan atau hasrat mereka yang buruk itu, mereka membaca berbagai jenis jampi dan mantera.

Tidak kurang juga orang-orang yang mempercayai bahawa sesuatu bencana alam disebabkan oleh haiwan-haiwan yang besar. Contohnya gempa bumi dikaitkan dengan seekor ular besar yang kerjanya setiap hari hanya makan dan tidur sahaja. Apabila ular itu bangun dari tidurnya, ular tersebut akan menggeliat sambil merentangkan badannya. Semasa ular itu bergerak bumi ini akan bergoncang lalu terjadilah gempa bumi.

Pada hari ini, ilmu pengetahuan dan pengetahuan agama telah dapat mengikis kepercayaan-kepercayaan karut itu daripada kehidupan orang-orang Melayu.

1. Apakah hantu-hantu yang sangat ditakuti oleh orang-orang Melayu dahulukala?

2. Apakan bencana yang dibawa oleh hantu-hantu itu ?

3. Bagaimanakah seseorang yang menggunakan kuasa ghaib itu menjelma menjadi harimau?

4. Apakah pekerjaan ular besar itu setiap hari?

5. Apakah yang dilakukan oleh ular besar itu setelah bangun dari tidur?

6. Menurut kepercayaan orang-orang Melayu dahulukala apakah yang menyebabkan kejadian gempa bumi?

ARAHAN : Bina sepotong ayat yang lengkap bagi perkataan/frasa berikut.

1. hartawan

2. bekerjasama

3. perangai

4. pondok buruk
